

# Ubat berasas ganja perlu kelulusan

→ Syarikat kena kemuka bahan diguna kepada bahagian farmasi

**Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof dan Mohd Anwar Patho Rohman**

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bagaimanapun setakat ini, beliau berkata, tidak ada syarikat yang mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kebajikan dan Kesihatan berhubung perkara itu.

Katanya, Kementerian Kesihatan tidak menghalang penghasilan ubat menggunakan rumusan ganja tetapi mesti ada pengesahan.

"Mereka yang ingin menggunakan ganja sebagai ubat mesti mengemukakan formula itu kepada farmasi untuk daftar sebagai ubat sebelum ia boleh digunakan.

## Perlu disertakan bukti

"Pengesahan itu perlu disertakan bukti bahawa rumusan digunakan adalah berkesan dan dengan dos spesifik sama ada ia adalah pil, sirap atau suntikan.

"Bahagian farmasi akan mengesahkan sama ada bahan digunakan adalah selamat dan efektif sebelum ia boleh digunakan," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, orang ramai diingatkan tidak membeli dan menggunakan produk tradisional Nan Bao (kapsul) kerana dikesan mengandungi racun berjadual, sildenafil.



**Bahagian farmasi akan mengesahkan sama ada bahan digunakan adalah selamat dan efektif sebelum ia boleh digunakan"**

**Dr Lee Boon Chye,**  
Timbalan Menteri Kesihatan

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) mengesahkan bahawa pendaftaran produk itu sudah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada mesyuaratnya yang ke-331, baru-baru ini.

"PBKD mendapati produk berkenaan mengandungi sildenafil yang mana ia tidak dibenarkan dalam formulasi produk tradisional.

## Kesan negatif

"Penggunaan sildenafil tanpa pengawasan doktor boleh menyebabkan kesan adverse serius seperti pengurangan atau kehilangan penglihatan dan pendengaran, penurunan tekanan darah mendadak sehingga ke peringkat berbahaya, serta kesan terhadap sistem kardiovaskular seperti strok dan serangan jantung," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sildenafil dan analognya tidak dibenarkan dalam ubat dikelaskan sebagai ubat tradisional, dan ia sangat berbahaya bagi orang awam kerana berisiko, terutama kepada

pesakit bermasalah jantung. Justeru, katanya, penjual dan pengedar produk itu perlu menghentikan penjualan serta pengedaran dengan serta-merta.

Beliau berkata, sebarang penjualan dan pengedaran produk terbitan tidak dibenarkan kerana melanggar Akta Jualan Dadah 1952 serta Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Individu yang melakukan kesalahan bawah peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya.

"Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda hingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya," katanya.

Orang awam boleh menyemak status pendaftaran sesuatu produk melalui laman sesawang [np.ra.moh.gov.my](http://np.ra.moh.gov.my) atau menghubungi NPRA melalui talian 03-78835400.